

PENDALILAN AYAT HUKUM DAN KAEDEAH FIQH DALAM PENGHUJAHAN FATWA BERKAITAN DNA: ANALISIS TERHADAP FATWA NEGERI PULAU PINANG

The Inference of Quranic Legal Text and Legal Maxim in Fatwa Argumentation Relating to DNA: An Analysis of the Fatwa of State of Penang

Nurul Ain Anuar Shariffⁱ & Abdul Basir Mohamadⁱⁱ

ⁱ Pelajar Pasca Siswazah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. E-mail: ainshariff93@yahoo.com

ⁱⁱ Profesor Dr, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. E-mail: abasir@ukm.edu.my

Abstrak	Abstract
<p>Ayat hukum atau ayat al-Quran yang terkandung di dalamnya hukum-hakam fiqh adalah salah satu sumber penting di dalam mengeluarkan fatwa dan menyelesaikan segala permasalahan yang timbul sejak dahulu hingga kini. Bagi mencapai pendalilan ayat hukum yang sesuai dan tepat, ayat al-Quran mesti diberi penafsiran yang halus serta teliti berpandukan kitab-kitab Tafsir Ayat al-Ahkam. Sumber lain yang boleh didapati dalam membuat sesuatu penghujahan adalah tidak lain iaitu kaedah fiqh yang tidak asing lagi mendapat tempat sebagai rujukan yang minoriti selain daripada sumber dalil-dalil yang disepakati. Kedua-dua sumber ini dapat menjadi dalil dalam penghujahan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri-Negeri di Malaysia. Namun apabila didapati keputusan fatwa yang dikeluarkan umumnya terlalu ringkas dan tidak disertakan bersama dalil-dalil yang menguatkan fatwa menyebabkan keputusan itu hanya mudah dirujuk oleh orang awam namun tidak bagi pengkaji dan penuntut</p>	<p>Ayat Hukm or Quranic Legal Verses which is contained therein fiqh rulings are an important source in issuing fatwas and resolve any problems that arise in past and the present. To achieve 'dalil' of Ayat Hukm that correct and appropriate, the Quran verses must be interpreted correctly thorough interpretation based on the books of Tafsir Ayat Al-Ahkam. Other sources that can be found in making a submission as a reference source of minorities is well-known as Qawa'id Fiqhiyyah. Both of these sources can be arguments in the submissions of the fatwa issued by States Mufti Department in Malaysia. But when the fatwas decision was issued are generally too short and is not included with the arguments that led to that decision make it referred only by public but not for the researchers and students. Hence this study will find a 'using of dalil' and methods of fiqh which is appropriate for decisions related to DNA fatwa released by the State Mufti Department of Penang. Libraries and content analysis method used in this study</p>

ilmu. Justeru kajian ini akan mencari pendalilan ayat hukum dan kaedah fiqh yang sesuai bagi keputusan fatwa berkaitan DNA yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Kaedah perpustakaan dan analisis kandungan digunakan di dalam kajian ini bagi mengenal pasti dan menghuraikan dalil yang sesuai bagi dipadankan bersama keputusan fatwa tersebut. Walaubagaimanapun, penulis juga telah mengadakan satu temubual tidak berstruktur bersama Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mendapatkan penerangan terhadap isu. Dengan adanya dalil-dalil tersebut akan memudahkan segala peringkat awam membuat rujukan malah menguatkan fatwa yang telah diputuskan.

Kata kunci: Ayat hukum, kaedah fiqh, fatwa, DNA.

to identify and describe the argument that according to the results matched with the fatwa. However, the author also conducted a kind of unstructured interviews with Mufti of Penang State Government to seek clarification on the issue. That arguments given hope will facilitate the public reference levels even strengthen the fatwa that had been decided.

Keywords: Quran Legal Verses, Methods of Fiqh, Fatwa, DNA.

PENDAHULUAN

DNA atau pengertian sains-nya *Asid Deoksiribonukleik*, diketahui sebagai bahan kimia yang paling penting dalam kehidupan kini dan merupakan rangkaian elemen molekul-molekul yang menentukan bentuk dan sifat makhluk hidup tidak kira haiwan atau manusia juga pelbagai tumbuh-tumbuhan melata yang ada di muka bumi (Robert Snedden, 1995). Istilah DNA makin popular pada masa kini dengan bercambahnya kemajuan sains dan teknologi perubatan moden. Penggunaannya dalam menyesuaikan gen-gen yang sama atau dengan erti kata lain mengesahkan nasab keturunan boleh dipercayai 99.99% (Jabatan Kimia Malaysia, 2016). Ulama' Malaysia khasnya di Jabatan Mufti Kerajaan Pulau Pinang juga telah mengeluarkan hukum atau fatwa mengenai penggunaan DNA yang akan menjadi tumpuan kajian ini.

Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mencari pendalilan ayat hukum menerusi al-Quran, Sunnah, Kitab-kitab Fiqh di sebalik pengeluaran fatwa mengenai DNA dan diperkuuhkan lagi dengan pemakaian kaedah fiqh di dalam penghujahan fatwa yang dikeluarkan memandangkan keputusan fatwa yang dikeluarkan adalah ringkas dan padat, sesuai bagi tatapan awam. Namun penulisan ini sebenarnya bertujuan menghuraikan fatwa yang dikeluarkan dengan lebih terperinci menggunakan pendalilan ayat hukum

dan kaedah-kaedah fiqh yang sesuai bagi dipadankan dengan keputusan atau jawapan bagi fatwa tersebut.

OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN

Objektif artikel ini ialah:

- i. Mencari pendalilan ayat hukum dan kaedah fiqh yang sesuai dalam penghujahan fatwa.
- ii. Menganalisa fatwa berkaitan DNA yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang berdasarkan ayat hukum dan kaedah fiqh yang disesuaikan di dalam penghujahan fatwa tersebut.

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan di mana sumber data terdiri daripada al-Quran, Hadis, kitab fiqh yang berkaitan dengan tajuk kajian, buku himpunan keputusan fatwa Negeri Pulau Pinang, laman sesawang dan lain-lain. Bahan-bahan ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Di samping itu, penulis juga telah menjalankan satu temubual bersama Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mendapatkan keterangan lanjut mengenai isu kajian dan kaedah pendalilan fatwa oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Struktur artikel dimulai dengan pendahuluan diikuti dengan objektif dan metod kajian, sorotan literatur, sedikit definisi mengenai pendalilan ayat hukum, kaedah fiqh dan DNA, seterusnya analisa fatwa berkaitan DNA berdasarkan pendalilan ayat hukum dan kaedah fiqh yang sesuai dalam penghujahan fatwa. Artikel ini akan diakhiri dengan hasil kajian yang akan dihuraikan di bahagian kesimpulan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian terkini berkenaan ayat hukum ada ditulis oleh Mohd Ghazali bin Zakaria (2009) menerusi tesisnya yang bertajuk "Pengistinbatan Hukum Berdasarkan al-Mushtarak al-Lafzi Di Dalam Ayat-Ayat Hukum". Di dalam kajian yang dijalankan, beliau menganalisis musytarak lafzi dalam ayat-ayat hukum dengan menyentuh cara pengistinbatan hukum yang lahir daripada lafaz musytarak di samping membuat perbandingan berdasarkan pendapat, manhaj dan kecenderungan para fuqaha' dalam mengeluarkan hukum.

Selain itu, Zamri bin Hashim (2011) juga ada menulis berkenaan ayat hukum di dalam tesisnya yang bertajuk "Kaedah Pendalilan Berasaskan al-Quran: Kajian Tentang Penggunaannya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010". Kajian di dalam tesis tersebut mengkaji apakah pendalilan ayat-ayat al-Quran yang digunakan di dalam fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Fatwa Negeri Perak. Selain tesis, penulisan artikel Fadhluzaman Abdul Ghani (2014) bertajuk "Aplikasi Ayat Hukum Dalam Penghakiman Kes Pembubaran Perkahwinan: Kajian di Mahkamah Syariah Selangor" juga berkait dengan penggunaan ayat-ayat hukum. Beliau memilih 30 kes

daripada kes-kes pembubaran perkahwinan yang berlaku di negeri Selangor. Setelah menganalisis kes-kes tersebut, beliau telah mendetailkan beberapa aplikasi ayat hukum dalam penghakiman kepada empat aplikasi terpenting iaitu manfaat ayat, kedudukan ayat, penggunaan metodologi ayat serta peranan ayat dalam penggunaan bersama dengan sumber lain.

Sementara itu, kajian berkenaan kaedah fiqh pula ada ditulis oleh Anwar Fakhri bin Omar (1999) bertajuk "Kaedah Fiqh dan Hubungkaitnya Dengan Permasalahan Fiqh Semasa" mengupas berkenaan ilmu kaedah fiqh dengan isu semasa. Seterusnya kajian disertasi yang dikemukakan oleh Norzulaili bt Mohd Ghazali (2004) juga memperihalkan tentang kaedah fiqh. Disertasinya bertajuk "Aplikasi Beberapa Kaedah Fiqh Dalam Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia: Satu Kajian Dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pahang 1987". Penulisan ini telah mengaplikasi kaedah fiqh dalam undang-undang keluarga di Malaysia. Di dalamnya terdapat huraiyan tentang kesesuaian dan ketepatan aplikasi kaedah fiqh di dalam enakmen berkenaan hal ehwal perkahwinan yang telah dikeluarkan oleh Undang-Undang Kerajaan Negeri Pahang. Di dalam penulisan tersebut, beliau hanya menganalisis beberapa seksyen atau subseksyen sahaja.

Di dalam bidang muamalat pun telah ditulis oleh Abd Rahman Ismail (2007) kajian bertajuk "Aplikasi Kaedah Fiqh Ma La Yudrak Kulluh La Yutrak Julluh Dalam Mengklasifikasi Saham-saham Patuh Syariah Di Bursa Malaysia". Kajian ini menyentuh kebolehan membeli saham-saham patuh syariat yang digariskan oleh Islam dengan mengaplikasi kaedah fiqh bagi melahirkan keyakinan tentang penerimaan Islam terhadap saham-saham tersebut.

Analisis qawa'id fiqh menerusi kitab turath didapati telah ditulis di dalam tesis Wan Mohd Zul bin Wan Yusuf (2011) yang bertajuk "Qawa'id Fiqhiyyah Dan Aplikasinya: Kajian Analisis Dalam Bab Taharah Dari Kitab al-Majmu' Karangan Imam al-Nawawi". Penulis ini telah mengumpul 25 kaedah fiqh yang terdapat di dalam bab *tahārah kitab majmu'* bagi menyelesaikan kajiannya di dalam kitab tersebut.

Hasil daripada penelitian kajian-kajian lepas, masih belum terdapat penulisan berkenaan gabungan pendalilan ayat hukum dan juga kaedah fiqh di dalam penghujahan fatwa. Justeru, kajian artikel tentang Pendalilan Ayat Hukum Dan Kaedah Fiqh Dalam Penghujahan Fatwa Berkaitan DNA: Analisis Terhadap Fatwa Di Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang merupakan suatu kajian dan penulisan yang baharu.

DEFINISI AYAT HUKUM, KAE DAH FIQH DAN DNA

Sebelum terus kepada fokus tajuk kajian, berikut dijelaskan definisi beberapa istilah yang dijadikan tunjang utama di dalam perbincangan ini;

i. Ayat Hukum:

Ayat hukum atau ayat-ayat di dalam al-Quran yang mengandungi hukum-hakam terdiri dari pelbagai sudut dan boleh diklasifikasikan kepada tiga bahagian: bahagian pertama ialah berkaitan dengan akidah seperti yang terkandung di dalam Rukun Iman yang enam; beriman dengan Allah SWT, malaikat, kitab-kitab, dan bakinya yang tiga, dipelajari dalam Ilmu Tauhid. Bahagian kedua; hukum-hakam yang berkaitan dengan akhlak dan budi pekerti yang baik, dipelajari dalam ilmu tasawuf. Bahagian yang terakhir; iaitu berkaitan dengan perkataan dan perbuatan *mukallaf* seperti dalam hal ibadah, muamalat, *munakahat* dan *jinayah*. Perkara inilah yang dimaksudkan dengan ilmu fiqh yang menjadi (tujuan) mempelajari ilmu fiqh dan ilmu usul fiqh tidak lain bagi mengetahui hukum-hakam yang terdapat di dalamnya (Abdul Azib, 2009).

Al-Quran apabila diiktibar dari sudut pemindahannya dengan cara *mutawatir* merupakan قطعى الثبوت (ketetapan yang putus) melainkan dengan دلالة الأحكام (isyarat atau petunjuk terhadap hukum). Dalam konteks tersebut, *dilalah al-quran* terhadap hukum ekoran (kemungkinan) yang terbentuk daripada مدلولات الألفاظ (petunjuk lafaz-lafaz) dapat dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu:

- القطعى الدلالة، merupakan petunjuk terhadap satu makna yang tidak ada kemungkinan pengertian lain lagi. Antara ayat yang mana hukumnya diterima secara *qat'i* ialah: sebagaimana firman Allah:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطُعُوهُ أَيُّهُمَا حَرَّاءٌ إِمَّا كَسِبَ نَكْلًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ
حَكِيمٌ

Maksudnya: Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai siksaan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(Al-Maidah 5:38)

Lafaz pencuri dalam ayat tersebut adalah penetapan secara *qat'i* atau pasti yang tidak dipertikaikan lagi maksud serta hukumnya iaitu pencuri lelaki dan perempuan mestilah dipotong tangan keduanya.

- الظنى الدلالة، merupakan nas yang mana di sana terdapat ruang serta kemungkinan lebih daripada satu makna, ijtihad dan *tarjih* terhadap satu makna dengan satu makna yang lain. Contohnya: lafaz *al-quru'* القرء yang terdapat dalam firman Allah:

وَأَلْمُطَلَّقُتُ يَتَرَبَّصُ بِنَفْسِهِنَّ ثُلَّةُ قُرُوَءِ

Maksudnya: Wanita-wanita yang ditalak hendaklah menahan diri mereka dari berkahwin (menunggu) selama tiga kali *quru'* (suci dari haid).

(Al-Baqarah 2:228)

Lafaz *quru'* dalam ayat tersebut adalah *zanni* kerana ia memberi dua makna, iaitu haid atau suci. Justeru, ulama fiqh berselisih pendapat berkaitan dengan iddah wanita yang diceraikan, apakah ia tiga kali suci atau tiga kali haid. Dua petunjuk di atas sekaligus memperlihatkan bahawa ayat-ayat al-Quran itu *dilalahnya* ada yang bersifat *qat'i* dan *zanni*. Kadangkala ayat yang *dilalahnya zanni* dapat dijelaskan melalui al-Sunnah hingga menjadi *qat'i*. Namun dari sudut sanadnya, semua ayat al-Quran adalah bersifat *mutawatir*, yang menjadikan ayat itu *zanni* hanya dari sudut *dilalahnya* sahaja (Abdul Latif & Rosmawati, 2001).

ii. Kaedah Fiqh:

Pengertian kaedah fiqh pada bahasa ialah: suatu asas atau dasar. Dasar yang dimaksudkan ialah dasar-dasar yang berkaitan dengan masalah hukum. Manakala dari segi istilahnya: kaedah fiqh bermaksud prinsip-prinsip fiqh yang bersifat umum dalam bentuk nas pendek mengandungi hukum umum yang sesuai dengan bahagian-bahagiannya. Contoh: lafaz kaedah *الضرر يزال* yang bermaksud, bahaya mesti dihapuskan (Ab Latif & Rosmawati, 2000).

Pembahagian kaedah fiqh terbahagi kepada dua bahagian, sama ada kaedah yang disepakati oleh semua mazhab iaitu yang tidak terkandung ayat tanda tanya sebagai contoh: kaedah *al-umur bi maqasidiha*, *al-dharar yuzal*, *al-yaqin la yazul bi al-shak* dan lain-lain. Yang kedua ialah kaedah yang diperselisihkan oleh ulama sebagai contoh: هل العبرة بصيغ العقود أو معانيها؟ yang bermaksud apakah yang diiktibar itu lafaz atau maknanya? ('Imad Ali Jum'ah, 2006).

Kepentingan dan faedah ilmu fiqh antaranya membolehkan individu yang bukan pengkhususan syariah mengetahui ilmu fiqh, kaedahnya, *maqasid* (kehendak syarak), dalil-dalil, dengan senang dan mudah. Cukup dengan mengetahui *ضوابط* (susunan atau ukuran) perkara *furu' fiqhiiyyah* yang terkandung di dalam kaedah fiqh akan menjadikan individu tersebut mempunyai kemampuan dalam memahami perkara-perkara *furu'* yang lain. Lantaran itu, ilmu yang berkaitan dengan kaedah fiqh merupakan perkara penting dan utama dalam ilmu-ilmu Islam bagi membantu pengkaji-pengkaji fiqh untuk mengetahui hukum-hukum dan pemikiran yang berkaitan dengan syariat dan fiqh islam dengan mudah dan terperinci ('Imad Ali Jum'ah, 2006).

iii. DNA (Asid Deoksiribonukleik):

Ahli genetik Amerika iaitu James Watson (*born* 1928) dan ahli fizik Inggeris Francis Crick (*born* 1916) keduanya berkerjasama dalam mengumpul maklumat mengenai struktur DNA sejak tahun 1951. Crick dan Watson juga menyatakan bahawa urutan bes kimia pada molekul DNA mungkin menggambarkan satu kod, yang perlu ditafsirkan oleh sel dan digunakan sebagai panduan dalam menghasilkan protein. DNA merupakan molekul kompleks yang terdapat dalam semua benda hidup, yang menjalankan pelbagai tugas, termasuk membawa bahan ke seluruh tubuh, melindungi daripada jangkitan, membolehkan otot bergerak dan saraf menghantar maklumat. Satu tugas yang penting, yang dilaksanakan oleh protein dinamai sebagai enzim, enzim tersebut mengawal tindak balas kimia yang berlaku dalam sel hidup.

Mengenai profil DNA pula, teknik tersebut telah dikembangkan pada tahun 1984 oleh seorang ahli sains British, Alec Jeffreys (*born* 1950) di Universiti Leicester. Profil DNA boleh mengenal pasti dan memadankan urutan pendek DNA yang unik. Hasilnya, profil DNA boleh digunakan untuk mengenal pasti seorang individu daripada kesan darah atau sel kulit yang ditemui di tempat berlakunya jenayah (Robert Snedden, 1995).

Di Malaysia, ujian DNA merupakan kaedah yang telah diterimapakai oleh Komuniti Undang-Undang dan Sains untuk menentukan identiti seseorang. Terdapat juga ujian paterniti iaitu ujian yang mengesahkan hubungan antara kedua bapa dan anak. Ujian paterniti DNA biasanya dijalankan untuk memastikan atau mengecualikan bapa biologikal seseorang anak. Paterniti adalah ujian yang tepat, cepat serta memerlukan kos yang berpatutan dengan kuasa diskriminasi (atau ketepatan) 99.9999%. Ujian paterniti DNA boleh dijalankan ke atas individu pada sebarang peringkat umur (Jabatan Kimia Malaysia, 2016).

PENDALILAN AYAT HUKUM DAN KAEADAH FIQH DALAM PENGHUJAHAN FATWA BERKAITAN DNA

Perbincangan dalam tulisan ini adalah merujuk kepada keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang berkaitan dengan penggunaan DNA yang telah diwartakan pada tarikh 3 Julai 2014. Keputusan fatwa tersebut dipetik daripada Buku Fatwa-Fatwa Yang Telah Diwartakan Di Negeri Pulau Pinang 1996-2014, fatwa bilangan 36 telah menyebut mengenai perbincangan hukum menggunakan DNA bagi menentukan status nasab anak dan juga tempoh melaksanakan *li'an* untuk menafikan nasab anak.

Mesyuarat telah membuat keputusan berdasarkan hujahan seperti yang berikut; bahawa "*Islam sangat menitikberatkan persoalan nasab dan apabila telah ada dalil yang mengisbatkan nasab, maka penafiannya tidak boleh diterima melainkan*

dengan kaedah *li'an* kerana *li'an* telah sabit melalui *al-Quran*, *al-Sunnah* dan *al-Ijma'* dan merupakan suatu amalan *ta'abudiah*".

Pendalilan Ayat Hukum

Daripada perspektif ayat hukum, jawapan terhadap persoalan *li'an* merupakan suatu nas *al-Quran* yang memerlukan huraian dan penjelasan hadis sepetimana ayat-ayat yang '*am*, *mujmal* dan *musytarak* bagi mengetahui intipati sebenar yang mencakupi ayat tersebut (Abd Azib, 2009). Di dalam *al-Quran*, hal berkaitan *li'an* hanya dijelaskan asas dan ketentuannya manakala *Sunnah* menetapkan perkara tersebut dengan memisahkan pasangan suami isteri yang melakukan *li'an* dengan cara perceraian. Dengan erti kata lain *Sunnah* membawa hukum tambahan atau hukum baharu yang menyempurnakan lagi ketentuan-ketentuan asas tersebut (Abd Latif & Rosmawati, 2001).

Di dalam Surah al-Nur ayat 6-10 telah menjelaskan perkara asas di dalam *li'an* yang berlaku antara suami dan isteri:

وَالَّذِينَ يَرْهُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُمْ شُهَدَاءِ إِلَّا أَنفُسُهُمْ فَشَهَدَهُ أَحَدُهُمْ أَرْبَعُ شَهَدَتْ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ وَأَلْحَمْسَةُ أَنَّ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كَانَ مِنْ أُلُّ كُذَبِينَ وَيَدْرُؤُ عَنْ هَا مَا أُلْعَذَابَ أَنْ تَشَهِّدَ أَرْبَعُ شَهَدَتْ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ أُلُّ كُذَبِينَ وَأَلْحَمْسَةُ أَنَّ عَصَبَ اللَّهِ عَلَيْهِ هَا إِنْ كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَوَابُ حَكِيمٌ .

Maksudnya: Dan orang-orang yang menuduh isterinya (berzina), sedang mereka tidak mempunyai saksi-saksi melainkan diri mereka sendiri, maka persaksian orang itu ialah empat kali bersumpah dengan nama Allah, sesungguhnya dia adalah termasuk orang-orang yang benar. Dan (sumpah) yang kelima: bahawa laknat Allah ke atasnya, jika dia termasuk orang-orang yang berdusta. Isterinya itu dihindarkan dari hukuman oleh sumpahnya empat kali atas nama Allah sesungguhnya suaminya itu benar-benar termasuk orang-orang yang dusta, dan (sumpah) yang kelima: bahwa laknat Allah atasnya jika suaminya itu termasuk orang-orang yang benar. Dan andaikata tidak ada kurnia Allah dan rahmat-Nya atas dirimu dan (andaikata) Allah bukan Penerima Taubat lagi Maha Bijaksana, (niscaya kamu akan mengalami kesulitan-kesulitan).

(Al-Nur 24:6-10)

Secara ringkasnya, ayat di atas ialah penjelasan daripada Allah s.w.t berkenaan suami yang membuat tuduhan zina terhadap isterinya namun tidak mempunyai saksi kecuali dirinya sendiri. Untuk melepaskan diri daripada dikenakan hukuman qazaf sebanyak 80 kali sebatan, suami tersebut mesti membuat sumpah atau penyaksian sebanyak empat kali dengan nama Allah untuk menyatakan dia adalah benar sebagai ganti empat orang saksi.

Manakala kali kelima, dia mestilah bersumpah jika dia berdusta laknat Allah akan jatuh kepadanya. Si isteri pula berhak untuk menolak tuduhan suami bagi melepaskan dirinya dikenakan hukuman zina iaitu rejam sampai mati dengan mengucapkan sumpah atau penyaksian sebanyak empat kali dengan nama Allah yang suaminya itu adalah berdusta. Dan sumpah kelima ialah sumpah si isteri akan mendapat murka Allah jika apa yang dituduh oleh suami adalah benar (Ab. Latif & Rosmawati, 1999).

Al-Sunnah Dan Kaedah Fiqh

Namun Sunnah kemudiannya datang bagi memperlihatkan pecahan hukum yang baharu sepermulaan hadis yang diriwayatkan daripada Amr bin Syu'aib berkaitan anak yang didapati daripada hasil *li'an*, apakah anak tersebut berasas kepada ibunya?

وقضى رسول الله صلى الله عليه في ولد المتعارفين أنه يرث أمه وترثه أمه، ومن رماها به جلد ثمانين¹
Maksudnya: Rasulullah SAW telah memutuskan mengenai anak kepada sepasang suami dan isteri yang saling melakukan *li'an* bahawa anak itu mewarisi ibunya dan ibunya mewarisinya. Dan barangsiapa menuduh perempuan itu mendapatkan anak tersebut dari hasil zina, disebat 80 kali sebatan (al-Sobuni, 2007).

Hadis di atas menjelaskan gugur nasab anak itu dengan bapanya dan gugur kewajipan bapa itu untuk memberikan nafkah bagi anak yang tidak diakui anaknya itu. Sesuai dengan kaedah fiqh yang menyebut *التابع* *تابع* *التابع* يسقط إذا سقط الأصل، إذا بطل الشيء بطل ما في ضمه. Di mana sesuatu yang menjadi pengikut bagi sesuatu yang lain mestilah mengikut sama dari segi hukum sepermulaan isu di atas, anak yang lahir daripada rahim ibu yang telah melaksanakan *li'an* akan mengikut hukumnya dari segi nasab dan tidak lagi dinasabkan kepada bapa di atas keengganannya untuk mengakui anak tersebut adalah miliknya (al-Lahji, 2013).

Di dalam dua hadis lain daripada kitab *Bulughul Maram min Adillah al-Ahkam* karya Ibnu Hajar Al-'Asqalani, boleh dijadikan sebagai dalil yang akan menguatkan lagi penggunaan *li'an* di dalam mensabitkan atau menafikan seseorang anak itu seperti berikut:

وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ (أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ - حِينَ نَزَّلَتْ آيَةُ الْمُتَلَاقِينَ - : أَيُّمَا إِمْرَأٌ أَذْخَلَتْ عَلَى قَوْمٍ مَنْ لَيْسَ مِنْهُمْ ، فَلَيُسْتَرَّ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ ، وَلَنْ يُذْخَلَهَا اللَّهُ حَتَّىٰ تُحَكَّمَ ، وَإِنَّمَا رَجُلٌ حَحَدَ وَلَدَهُ - وَهُوَ يَنْظُرُ إِلَيْهِ - إِخْتَجَبَ اللَّهُ عَنْهُ ، وَفَصَحَّةُ الْكَلَمِ عَلَى رُؤُوسِ الْخَلَائِقِ الْأُولَئِينَ وَالآخِرِينَ)²

أَخْرَجَهُ أَبُو دَاؤُدَّ ، وَالنَّسَائِيُّ ، وَابْنُ مَاجَهٍ ، وَصَحَّحَهُ إِبْرَاهِيمُ حَبَّانٌ

¹ Hadis Riwayat daripada datuk Amru Bin Syu'aib. Nil al-Autor. No.7.

وَعَنْ عُمَرَ رضيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: (مَنْ أَقْرَأَ بِوَلَدٍ طَرْفَةً عَيْنِ، فَلَيْسَ لَهُ أَنْ يَنْفِقَهُ) أَخْرَجَهُ الْبَيْهَقِيُّ، وَهُوَ حَسَنٌ مَوْقُوفٌ³

Maksudnya: Dari Abu Hurairah r.a bahwa dia mendengar Rasulullah SAW bersabda -ketika turun ayat tentang orang yang saling menuduh-: "Siapapun wanita yang memasukkan laki-laki yang bukan dari golongannya, ia tidak berharga sedikitpun di sisi Allah dan tidak akan memasukkannya dalam syurga-Nya. Dan siapapun laki-laki yang tidak mengaku anaknya -padahal ia tahu bahawa itu anaknya- Allah akan menutup rahmat darinya dan mempermalukannya di hadapan pemimpin orang-orang terdahulu dan yang akan datang." Riwayat Abu Dawud, Nasa'i, dan Ibnu Majah. *Hadiths sahih* menurut Ibnu Hibban.

Umar r.a berkata: Barangsiapa mengaku anaknya walaupun sekejap mata, maka tiada hak baginya untuk mencabutnya (menarik kata-katanya)." Riwayat Baihaqi. Ia *hadits hasan mauquf* (al-'Asqalani, 2011). Hadis ini sesuai dengan kaedah fiqh yang berbunyi الإقرار في الحقوق يجب بالمرة الواحدة yang bermaksud; ikrar (pengakuan) yang berkaitan dengan hak-hak akan menjadi wajib dengan sekali lafadz sahaja dan tiada hak bagi si bapa untuk menafikan anak tersebut setelah jelas daripada membuat pengakuan walaupun sedetik (Abd Latif & Rosmawati, 2000).

وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضيَ اللَّهُ عَنْهُ (أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنَّ إِمْرَأَيَ وَلَدَتْ غُلَامًا أَسْوَدَ? قَالَ: هَلْ لَكَ مِنْ إِبْلٍ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: فَمَا أَلْوَانُهَا؟ قَالَ: حُمْرٌ. قَالَ: هَلْ فِيهَا مِنْ أُورَقَ؟، قَالَ: نَعَمْ قَالَ: فَأَنَّ ذَلِكَ؟، قَالَ: لَعَلَّهُ نَزَعَهُ عِرْقٌ. قَالَ: فَلَعَلَّ إِنَّكَ هَذَا نَزَعَهُ عِرْقٌ) مُتَفَقُّ عَلَيْهِ
وَفِي رِوَايَةِ لِمُسْلِمٍ: (وَهُوَ يُعَرِّضُ بِأَنْ يَنْفِقَهُ) ، وَقَالَ فِي آخِرِهِ: (وَلَمْ يُرِّخْصْ لَهُ فِي الْإِنْفَاءِ مِنْهُ)⁴

Maksudnya: Dari Abu Hurairah r.a bahwa ada seseorang berkata: Wahai Rasulullah, isteriku telah melahirkan seorang anak yang hitam. Beliau bersabda: "Apakah engkau mempunyai unta?". Ia menjawab: Ya. Beliau bertanya: "Apakah warnanya?" Ia menjawab: Kemerahan. Beliau bertanya: "Adakah yang berwarna abu-abu?" Ia menjawab: Ya. Beliau bertanya: "Bagaimana boleh jadi sedemikian?" Ia menjawab: Mungkin turun-temurun dari keturunannya. Beliau bersabda: "Barangkali anakmu ini mewarisi turun-temurun keturunannya dahulu." *Muttafaq Alaihi*.

² Hadis Riwayat Abu Hurairah. Dha'if Ibnu Majah. No.547.

³ Ibnu Hajar al-Asqalani. Bulughul Maram. No.331.

⁴ Hadis Riwayat Abu Hurairah. Sahih al-Bukhari. No.6847.

Dalam riwayat Muslim: Dia berkehendak untuk tidak mengakui anaknya. Di akhir hadis ini dikatakan: Beliau tidak mengizinkan orang itu mengingkari anaknya (al-'Asqalani, 2011).

Hadis di atas membawa hukum yang suami tidak boleh semena-mena menolak zuriat yang dilahirkan isterinya dengan sebab tidak sama sifat dengan dirinya seperti rambut, tubuh badan atau warna kulit. Kerana kemungkinan anak tersebut mewarisi sifat nenek, datuk, atau moyangnya dahulu. Selain itu, hadis-hadis di atas jelas menerangkan kepentingan *li'an* dalam mensabitkan dan menafikan anak pada zaman Rasulullah SAW sebagaimana ia telah sabit dengan jelas dalam al-Quran dan Sunnah. Namun pada masa kini terdapat teknologi yang moden bagi mengenal pasti identiti mahupun hubungan antara dua manusia dengan mudah malah ia memiliki peratus kepercayaan yang tinggi iaitu hanya dengan menjalani ujian DNA.

Keputusan Majma' Fiqh al-Islami

Justeru, bagi menghuraikan hukum dalam penggunaannya Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang merujuk kepada pendapat Majma' al-Fiqh al-Islami yang bersidang pada 5-10 Januari 2002 yang berbunyi;

أولاً: لا مانع شرعاً من الاعتماد على البصمة الوراثية في التحقيق الجنائي، واعتبارها وسيلة إثبات في الجرائم التي ليس فيها حد شرعي ولا قصاص؛ خبر (ادرؤوا الحدود بالشبهات) ، وذلك يحقق العدالة والأمن للمجتمع ، ويؤدي إلى نيل المجرم عقابه وتبرئة المتهم ، وهذا مقصد مهم من مقاصد الشريعة .
ثانياً: إن استعمال البصمة الوراثية في مجال النسب لا بد أن يحاط بمتنهى الحذر والحيطة والسرية ، ولذلك لا بد أن تقدم النصوص والقواعد الشرعية على البصمة الوراثية .
ثالثاً: لا يجوز شرعاً الاعتماد على البصمة الوراثية في نفي النسب، ولا يجوز تقديمها على اللعان.

Perkara Pertama: Tiada larangan agama untuk bergantung kepada DNA dalam siasatan kesalahan jenayah, dan boleh mengambilnya sebagai satu jalan untuk mensabitkan kesalahan yang tidak termasuk di dalam bab Hukum *Had dan Qisas*, berdasarkan hadis: ادرؤوا الحدود بالشبهات bermaksud: "Tolaklah hukuman hudud dengan *syubhat*"|. Demikian juga bertujuan memastikan keadilan dan keamanan di dalam masyarakat, dan membawa kepada penghukuman terhadap orang yang sememangnya bersalah dan pembebasan orang yang tidak bersalah daripada hukuman. Ini merupakan salah satu objektif utama dalam Syariat Islam.

Perkara Kedua: Penggunaan kaedah DNA dalam bidang penetapan nasab mesti ditangani dengan penuh berhati-hati, cermat dan sulit. Oleh yang demikian, mestilah didahulukan nas-nas agama dan kaedah-kaedah syarak berbanding DNA.

Perkara Ketiga: Tidak dibenarkan agama bergantung kepada DNA untuk menafikan nasab, dan tidak boleh juga mendahului DNA berbanding *al-Li'an*" (Muhammad Abdul Kadir, 2011).

Oleh itu, Mesyuarat telah menyimpulkan daripada keputusan Majma' al-Fiqhi di atas bahawa "*Untuk mengisbatkan nasab, penggunaan DNA dibenarkan dan dilakukan atas perintah mahkamah hanya dalam kes pertelingkahan ketidaktahuan nasab anak atas pelbagai sebab, kekeliruan atau pertukaran anak di hospital atau pusat jagaan, kes bayi tabung uji serta dalam kes anak-anak yang hilang atas sebab bencana alam dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Majma' al-Fiqh al-Islami menetapkan bahawa DNA tidak boleh digunakan untuk menafikan nasab anak apalagi digunakannya mendahului kaedah li'an*"

Ujian DNA hanyalah satu ujikaji yang membolehkan seseorang itu mengetahui jika ada individu lain yang mempunyai pertalian darah dengannya. Dan ujian ini bukanlah untuk seseorang itu menentukan sendiri bahawa dia memiliki hubungan pertalian dengan yang lain kerana perkara tersebut jelas salah dan tidak mematuhi undang-undang.

Dalam salah satu hadis disebutkan bahawa ⁵ الولد للفراش، yang bermaksud anak yang lahir itu mestilah berdasarkan hubungan suami isteri yang sah. Jadi ujian DNA hanyalah untuk menguatkan قرينة (anggapan) sahaja. Dan dalil ini sudah sangat tegas menjelaskan masalah tersebut.

Kaedah Fiqh

Manakala dari segi kajian usul fiqh, hal itu dibimbangkan akan menimbulkan kekeliruan dalam masalah nasab. Sebagaimana salah satu kaedah usul fiqh menyatakan درء المفاسد مقدم على جلب المصالح iaitu menolak sesuatu yang akan menimbulkan kerosakan mestilah didahului daripada menarik sedikit kemaslahatan. Jadi apabila dianggap permasalahan nasab akan menjadi kabur, maka ujian DNA boleh dilakukan sebagai qarinah atau bagi menguatkan keputusan dari masalah tersebut. Walaupun begitu, masih ada perkara-perkara lain yang mesti diselidiki dan dipertimbangkan untuk menetapkan masalah ini, selain harus dibuktikan dengan nasab syar'i, iaitu melalui pernikahan yang sah.

Oleh itu, terdapat ulama yang tidak setuju dengan keharusan penggunaan DNA. Mereka berpendapat bahawa pada zaman Nabi belum ada teknologi DNA, di mana penentuan nasab dalam hukum Islam menurut mereka hanya bersumber dari pernikahan yang sah, persaksian dan pengakuan. Namun pada akhirnya, ulama-ulama ini turut mengiktiraf hasil

⁵ Hadis Riwayat Umar bin al-Khattab. Musnad al-Faruq. No. 1/425.

uji DNA itu sebagai sumber baru bagi penentuan nasab berdasarkan dalil yang telah disebutkan di atas (Fadly, 2013).

Kitab Fiqh

Seterusnya mesyuarat menegaskan bahawa “*para fuqaha’ telah bersepakat bahawa penafian nasab anak melalui kaedah li’an perlu dilakukan dengan kadar segera* (على الفور) *dan jika penafian nasab tidak dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan, maka gugurlah hak penafian nasab tersebut;*” sesuai dengan apa yang disebutkan dan dirujuk di dalam Kitab *Minhajut Tholibin* karya Imam Nawawi yang berbunyi;

والنفي على الفور في الجديد. ويعذر لعذر. وله نفي حمل وانتظار وضعه.

Yang bermaksud: Penafian itu mestilah atas kadar segera di dalam *Mazhab Jadid*. Diberi kelonggaran jika terdapat keuzuran dalam menyegerakan hal penafian dan hendaklah lelaki tersebut menafikan anak bermula dari masa dalam kandungan hingga smpai waktu melahirkan (Nuruzzaman, 2013).

Kaedah Fiqh

Mesyuarat turut bersetuju bahawa “*tempoh segera bagi seseorang bapa yang hendak melakukan li’an bagi menafikan nasab anaknya adalah bermula dari tarikh isterinya disahkan mengandung sehingga tiga (3) hari selepas bersalin. Penafian setelah tempoh munasabah tersebut adalah tertolak dan anak tersebut adalah sah dan sabit sebagai anaknya*” sesuai dengan kaedah fiqh yang menyatakan مقاطع الحقوق عند الشروط yang bermaksud ketentuan hak adalah berdasarkan syarat-syarat. Kaedah ini membawa maksud bahawa suatu hak yang dimiliki oleh seseorang sepertimana lelaki yang ingin menafikan anak akan tergugur hak apabila syarat-syarat supaya wujud atau terbentuknya hak itu tidak dipenuhi. Dengan erti kata lain, tidak hadir pada tempoh yang ditetapkan akan menggugurkan hak untuk membuat penafian.

Dan pada akhirnya “*Mesyuarat memutuskan supaya garis panduan untuk menjalankan ujian DNA oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah diperketatkan lebih-lebih lagi dalam isu untuk menafikan nasab kerana DNA hanya sekadar qarinah atau sokongan semata-mata dan tidak boleh dijadikan bukti utama*”. Keputusan di atas adalah sesuai dengan kaedah fiqh di mana kemudaratan itu mestilah dibendung sehabis mampu. Garis panduan yang diperketatkan juga boleh diaplikasi dengan kaedah fiqh تصرف الإمام على الرعية yang bermaksud tindakan penguasa terhadap rakyat mestilah berpandukan maslahah bagi menjaga kemaslahatan awam sesuai dengan konsep al-masaleh al-mursalah (Abd Latif & Rosmawati, 2000).

Berdasarkan temubual yang dijalankan oleh pengkaji bersama Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang Dato' Dr Haji Wan Salim bin Wan Mohd Nor pada 5 Jun 2017, beliau ada menyebut mengenai sumber-sumber dalam penghujahan fatwa sudah semestinya menggunakan apa yang terkandung di dalam al-Quran, al-sunnah, ijma', qiyas, sad al-zarai', maslahah dan kesemua dalil-dalil yang disepakati oleh ulama termasuklah penggunaan ayat-ayat hukum dan kaedah fiqh dalam berhujah. Tentang penggunaan kaedah fiqh ketika berhujah dalam fatwa, kaedah fiqh tidak boleh berdiri sendiri tanpa dalil-dalil yang lain dan perlu diimbangi bersama kaedah-kaedah yang lain. Ini kerana jika penggunaannya terlalu meluas ditakuti tidak sampai kepada sesuatu yang dimaksudkan dan berlaku kepincangan. Sebagai contoh, kaedah fiqh درء المفاسد مقدم على جلب المصالح (menghindarkan perkara yang merosakkan itu lebih utama daripada mendapat kepentingan/ kemaslahatan umum) perlu dipertimbangkan bersama kaedah lain seperti مصلحة عامة مقدمة على مصلحة خاصة (kepentingan umum mestilah didahulukan daripada kepentingan peribadi).

Merujuk kepada tajuk kajian iaitu DNA, ia merupakan satu perkara yang baharu dan isu tersebut tidak ditemui di dalam al-Quran, Hadis atau seumpamanya. Begitu juga seperti isu-isu lain seperti pemindahan organ, pengklonan manusia. Isu baharu yang tidak mempunyai sebarang dalil mengenainya, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang lebih cenderung kepada penggunaan Kaedah Maslahah. Bagi isu-isu yang tiada nas sarih atau yang jelas, untuk mendapatkan hukum kebiasaannya Ahli Jawatankuasa Fatwa akan melihat kepada kepentingan awam iaitu *maslahah 'ammah*. Iaitu dipertimbangkan manakah yang lebih banyak antara elemen-elemen baik dan elemen-elemen buruk di dalam perkara dan isu-isu sebegini. Lihat pula kepada kemudharatan dan manfaat yang diterima, jika kemudharatan itu lebih banyak berbanding manfaatnya yang sedikit, jadi perkara itu disimpulkan haram walaupun tiada nas di dalam al-Quran dan lain-lainnya.

Sebagai contoh selain DNA seperti pengklonan manusia. Kebaikan daripada pengklonan tersebut hanyalah untuk melahirkan manusia-manusia yang genius seperti Albert Einstein. Manakala keburukannya terlalu banyak sehingga boleh melibatkan kekeliruan di dalam hak-hak dan kepentingan mukallaf seperti harta pusaka, jenayah, kezaliman, dan juga institusi kekeluargaan. Disebabkan itu, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang melalui ijтиhad yang dilakukan mengatakan pengklonan manusia ini adalah haram kerana keburukan dan kemudharatannya yang banyak. Dan di akhir temubual yang dijalankan, Mufti Pulau Pinang juga menyatakan bahawa isu-isu yang tiada di dalam nas seperti DNA, pengklonan manusia dan sebagainya boleh menggunakan kaedah-kaedah yang terlihat bersesuaian dan ia boleh diaplikasi dalam penghujahan fatwa. Kaedah-kaedah fiqh yang

disenaraikan oleh pengkaji juga boleh menjadi hujah dalam menguatkan dan menyokong fatwa mengenai isu penggunaan DNA ini.

KESIMPULAN

Dalil ayat al-Quran yang membawa hukum *li'an* merupakan ayat قطعى الدلالة yang jelas, terkandung di dalamnya cara melaksanakannya dan akibat daripada *li'an* tersebut. Namun datang al-Sunnah yang bertindak sebagai pembawa hukum tambahan sepertimana yang bersangkut dengan *li'an*, ketentuan dan asasnya telahpun terdapat di dalam al-Quran, maka Sunnah pula menetapkan dengan memisahkan suami isteri yang melakukan *li'an* dengan cara perceraian yang nanti memberi kesan terhadap anak yang lahir daripada keduanya dengan tidak lagi dinasabkan kepada nama bapanya jika si bapa enggan untuk mengakui anaknya itu. Di zaman moden masa kini, terdapat penggunaan DNA bagi mengetahui nasab kandungan dan telah dikeluarkan hukum bahawa harus penggunaannya. Namun untuk menafikan keturunan, tidak dibolehkan menjalani ujian DNA terlebih dahulu berbanding mengadakan sumpah *li'an* yang mana telah disepakati ijma' ulama dan telah pun termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, didatangkan kaedah fiqh dalam permasalahan fatwa ini bagi mengukuhkan penghujahannya sepertimana kaedah-kaedah fiqh berikut:

i.	التابع تابع	(Yang mengikut tidak terpisah daripada yang diikutinya)
ii.	الفرع يسقط إذا سقط الأصل	(Pecahan atau furu' gugur apabila gugur asal)
iii.	إذا بطل الشيء بطل ما في ضمه	(Apabila terbatal sesuatu itu, terbatal sesuatu yang bersamanya)
iv.	الإقرار في الحقوق يجب بالمرة الواحدة	(Ikrar/pengakuan yang berkaitan dengan hak-hak akan menjadi wajib dengan sekali lafadz sahaja)
v.	درء المفاسد مقدم على جلب المصالح	(Menolak sesuatu yang akan menimbulkan kerosakan mestilah didahulukan daripada menarik sedikit kemaslahatan)
vi.	مقاطع الحقوق عند الشروط	(Ketentuan hak-hak adalah berdasarkan syarat-syarat)
vii.	الضرر يدفع بقدر الإمكاني	(Kemudharatan mesti dibendung sehabis mampu)
viii.	تصرف الإمام على الرعية منوط	(Tindakan pemerintah terhadap rakyat mestilah atas dasar

	بالمصلحة	kemaslahatan)
--	----------	---------------

Melalui kaedah temubual yang dijalankan, pengkaji mendapati Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang di dalam hukum penggunaan DNA ini telah mengaplikasikan penggunaan maslahah yang dilihat menjadi keperluan masyarakat kini. Dengan ini kaedah fiqh تصرف الإمام على الرعية منوط بالصلحة (tindakan pemerintah terhadap rakyat harus terikut dengan kemaslahatan) telah dicapai dengan baik. Meski begitu, dalil-dalil yang dikemukakan bersama dengan kaedah-kaedah fiqh yang diandaikan sepetimana di dalam kajian adalah bertepatan dengan isu/ fatwa disamping boleh menjadi dalil yang menyokong terhadap keputusan yang dikeluarkan.

Fatwa berkaitan DNA ini didapati diwartakan di negeri Pulau Pinang pada 3 Julai 2014, namun keputusan yang dikeluarkan adalah daripada perbincangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam Malaysia kali ke-101 yang telah bersidang pada 27 September 2012. Ini bermakna negeri yang bersetuju dengan keputusan yang diperbuat bolehlah mewartakan di negeri masing-masing yang menjadikan fatwa ini digazetkan di Pulau Pinang kemudian pada tahun 2014. Walaubagaimanapun dengan pendalilan ayat hukum dan kaedah fiqh yang telah disebutkan di dalam kajian berkenaan fatwa DNA ini diharapkan akan lebih menguatkan keputusan fatwa yang dikeluarkan.

RUJUKAN

Al-Quran.

'Imad Ali Jum'ah, al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Muyassarah, Amman: Dar al-Nafaes, 2006.

al-'Asqalani, Ibnu Hajar, Bulughul Maram min Adillah al-Ahkam, Beirut: Maktabah al-'Asriah, 2001.

Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin, Huraian Ayat-Ayat Hukum 1, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 1999.

Abd. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin, Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh, Edisi Pertama, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2000.

Abd. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin, Perbahasan Usul al-Ahkam, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2001.

Abdul Azib Hussain, Manhaj Ilmu Fiqh & Ilmu Usul Fiqh, Kaherah: Manhal PMRAM, 2009.

Basri bin Ibrahim, Ahmad Tajuddin bin Engku Alwi, Zulkifli bin Mohd, & Ahmad Faizol bin Ismail, Fatwa-Fatwa Berkaitan Fiqh Semasa Di Malaysia, Selangor: al-Hidayah House Of Publishers, 2015.

“Bulughul Maram - Bab Sumpah Li'an”. Aal Noor Alamsyah. Dicapai 27 Februari 2017. <http://islamic-defenders.blogspot.my/2012/07/bulughul-maram-bab-sumpah-lian.html>

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Fatwa-Fatwa Yang Telah Diwartakan Di Negeri Pulau Pinang 1996-2014, Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 2014.

al-Lahji, Abdullah Bin Sa'id, Idhoh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah, Hauli: Dar al-Dhiya', 2013.

“Nasab Dan Urgensinya Dalam Islam”. Fadly. Dicapai 27 Februari 2017. <http://gudangilmusyariah.blogspot.my/2013/09/nasab-dan-urgensinya-dalam-islam.html>

Nuruzzaman MZ, Terjemahan Minhajut Tholibin Bagi Imam Nawawi, Seberang Prai: Darul Busyra, 2013.

Robert Snedden, Penemuan Sains- Genetik, Selangor: Headstart Publishing, 1995.

Saleh Mahfoed, Ptjmh. Asal: Muhammad Ali al-Sobuni, Tafsir Ayat-Ayat Hukum Dalam al-Qur'an, Kuala Lumpur: Pustaka Al-Azhar, 2000.

al-Sobuni, Muhammad Ali, Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran, Kaherah: Dar al-Sobuni, 2007.

“Ujian DNA Untuk Pengesahan Status Anak”. Muhammad Abdul Kadir Sahak. Dicapai 27 Februari 2017. <http://binsahak.blogspot.my/2011/11/ujian-dna-untuk-pengesahan-status-anak.html>

“Ujian Paterniti”. Laman sesawang Jabatan Kimia Malaysia (Paterniti). Dicapai 25 Februari 2017. <http://www.kimia.gov.my/v3/ms/fungsi-bahagian/forensik/paterniti.html>

Wan Salim Bin Wan Mohd Nor, Penerangan Isu Dan Kaedah Pendalilan Fatwa Oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pulau Pinang, Temubual, 5 Jun 2017.

Zamri bin Hashim, Kaedah Pendalilan Berasaskan al-Quran: Kajian Tentang Penggunaannya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010, tesis sarjana Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2011.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.